

Kehidupan penduduk luar bandar lebih tenang: Kajian

Bangi: Rakyat luar bandar menikmati kehidupan lebih sejahtera apabila mencatatkan bacaan 3.87 berbanding penduduk bandar hanya 3.6 mengikut Indeks Kajian Kesejahteraan Masyarakat Malaysia 2014/2015.

Kajian oleh Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) itu mendapati kehidupan masyarakat luar bandar secara individu dan spiritual adalah lebih tenang.

Felo Penyelidik Utama IPSAS, Prof Emeritus Datuk Dr Sulaiman Md Yassin, berkata selain itu, dari segi sosial pula, hubungan antara penduduk luar bandar, termasuk ahli ke-

luarga dan komuniti tinggi.

Katanya, berbeza dengan masyarakat bandar yang berdepan pelbagai cabaran dan walaupun menikmati banyak kemudahan dan perkhidmatan, tetapi terdapat faktor lain yang menyebabkan mereka kurang sejahtera.

Babit 800 sampel

"Boleh dikatakan mereka (rakyat bandar) lebih tertekan berbanding masyarakat luar bandar," katanya ketika seminar Bincang Tahap Sejahtera Rakyat di sini, semalam.

Seminar dirasmikan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Abdul Rahman Dahlan. Yang turut hadir Pengurus

YBK, Datuk Zainal Abidin Sa-kom dan Timbalan Naib Can-selor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Sulaiman berkata, kajian setahun bermula tahun lalu membabitkan sampel 800 orang berusia 15 tahun ke atas itu menumpukan kepada 12 aspek antaranya sosial, pen-didikan, kemudahan fizikal, spiritual, politik, budaya dan ekonomi.

Katanya, pihaknya akan bertanyakan kepada sampel kajian mengenai setiap aspek dengan mendalam bagi memastikan data diperoleh tepat.

"Kita menerima sokongan daripada YBK untuk terus menjalankan kajian ini selama



Dr Sulaiman Md Yassin

10 tahun bagi mengesan sama ada berlaku perubahan atau tidak terhadap kesejahteraan rakyat negara ini," katanya.

Sementara itu, Abdul Rah-man berkata, ukuran kesejahteraan masyarakat tidak boleh hanya dilihat pada satu pe-tunjuk sahaja.

Katanya, sebagai contoh, jika indeks jenayah tinggi, kita tidak boleh menghukum sesuatu ne-gara itu tidak sejahtera tetapi perlu juga melihat kepada indeks lain seperti ekonomi dan kesejahteraan keluarga.